

<input checked="" type="checkbox"/> Utusan Malaysia
<input type="checkbox"/> Mingguan Malaysia
Tarikh: 17/3/2011
Hari: Khamis W/S: 29
Ruangan: DALAM NEGERI

## Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara IPT 2011 hari ini

KUALA LUMPUR 16 Mac – Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum), akan menganjurkan Pertandingan Debat Perdana Integriti Antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2011 mulai esok hingga 21 Mac ini.

Pengarah Sektor Sosio-budaya IIM, Hamilye Sham Harun (gambar) berkata, Universiti Utara Malaysia (UUM) dipilih menjadi tuan rumah bagi pertandingan yang pengajuannya sudah masuk tahun ketujuh itu.

"Tema 1Malaysia Berintegriti sekali lagi dipilih pada tahun ini supaya selari dengan konsep 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' yang diperkenalkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Ia sesuai dengan usaha IIM untuk mempromosi serta membudayakan etika dan integriti dalam kalangan warga kampus," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah pertandingan akhir debat dijangka disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah.

Kata Hamilye Sham, pertandingan itu diharap dapat menambahkan kefahaman mengenai usaha pengukuhan integriti negara di kalangan ma-

hasiswa yang bakal menjadi pemimpin di masa depan.

"Konsep pengamalan integriti dalam kehidupan harian di kalangan mahasiswa dapat meningkatkan daya fikir, inovasi dan kreativiti bagi me-

nuju ke arah pemangkin negara yang profesional, berkualiti, beretika serta berintegriti bagi menghadapi cabaran di masa akan datang.

"Selain itu, pertandingan debat juga adalah salah satu pendekatan terbaik untuk meningkatkan daya fikir selain mengasah kebolehan berucap di khalayak ramai," jelasnya lagi.

Menurut Hamilye Sham, seperti tahun-tahun lalu pertandingan itu masih mengekalkan konsep ala Parlimen Malaysia yang bakal menyetengahkan pelbagai topik yang bakal didebatkan merangkumi topik pentadbiran, politik, ekonomi dan sosiobudaya.

Kata beliau, pemilihan konsep tersebut memberi peluang kepada peserta untuk berfikir secara pantas bagi menangkis hujah daripada pihak lawan.

"Sebanyak 30 pasukan terlibat dari 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), manakala enam dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta tiga dari Institusi Pendidikan Perguruan (IPG).

